

05 MAR 1999

Mahathir-Sabah (Islam)

UMAT ISLAM SABAH PERLU BERSATU KEKALKAN KEKUATAN

KOTA KINABALU, 5 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan umat Islam di Sabah yang merupakan golongan minoriti supaya bersatu padu serta tidak terpengaruh dengan tindakan pihak-pihak yang cuba memecah belahkan perpaduan yang sedia terjalin.

"Di Sabah umat Islam tidak ramai hanya 30 peratus sahaja... dan kita perlu mengekalkan perpaduan yang ada," kata Perdana Menteri ketika mengadakan perjumpaan dengan guru-guru agama, imam-imam dan para pendakwah di negeri itu di sini.

Dr Mahathir memberi amaran bahawa terdapat pihak-pihak yang cuba mempengaruhi umat Islam di Sabah bahawa kononnya mereka berjuang untuk Islam tetapi sebenarnya golongan itu hanya berjuang untuk kepentingan peribadi hingga melemahkan Islam.

"Jangan percaya golongan ini hanya disebabkan mereka pandai berucap dan menggunakan tafsiran (Al-Quran)," katanya.

Dr Mahathir juga berkata umat Islam di negara ini perlu menjadi contoh kepada negara-negara lain bagi membuktikan bahawa ajaran Islam mampu mentadbir dengan baik.

"Dengan sokongan dan kerjasama penganut agama lain, kita boleh membentuk sebuah kerajaan yang baik," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia yang mempunyai 60 peratus penduduk beragama Islam telah menunjukkan kematangan melalui pembentukan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang berjaya mentadbir dengan baik dan saksama berdasarkan kerjasama semua kaum.

Dr Mahathir berkata umat Islam di Malaysia tidak harus mencontohi negara-negara lain yang walaupun majoriti rakyatnya beragama Islam tetapi kerana kelemahan pentadbiran, mereka gagal mengurus dengan baik.

"Kita dapati ada negara yang walaupun penduduknya 100 peratus Islam tetapi berlaku permusuhan sesama sendiri hingga menyebabkan berlaku pembunuhan anak-anak kecil dan orang tua," katanya.

Katanya imej yang ditunjukkan oleh negara Islam itu hanya memburukkan Islam serta menyebabkan penganut lain hilang keyakinan.

"Kita perlu membuktikan agama kita adalah baik dengan cara tidak menindas kaum lain," katanya.

Dr Mahathir juga kesal kerana negara Islam khususnya di Asia Barat yang sepatutnya menjadi kuasa besar melalui kekuatan ekonomi daripada hasil penjualan minyak mentah kini "menjadi miskin" kerana gagal bersatu padu dan pemimpin-pemimpinnya tidak cekap menguruskan pentadbiran dan kewangan negara.

Akibat kelemahan itu, harga minyak mentah merosot daripada AS\$40 satu tong kepada AS\$9 satu tong ekoran daripada pengeluaran berlebihan.

Pemimpin-pemimpin negara itu mempunyai jalan keluar yang mudah bagi menaikkan harga minyak semula iaitu dengan mengurangkan pengeluaran tetapi kerana tidak bersatu padu dan ada juga yang menipu dengan tetap mengeluarkan secara berlebihan ianya tidak dapat dilaksanakan, katanya.

"Adakah ini ajaran Islam apabila orang Islam sendiri memperbodohkan diri sendiri?" katanya.

Dr Mahathir meminta imam dan pendakwah Islam di negara ini melaksanakan tanggungjawab mereka secara lebih berkesan bagi memastikan pengembangan dan kecemerlangan Islam di negeri ini berterusan.

"Pastikan tindak tanduk kita sesuai dan diterima...bagi membuktikan Islam dan penganutnya adil dengan orang bukan Islam," katanya.

-- BERNAMA
RAR PR MAI